



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA INOVASI DAN PROMOSI TEKNOLOGI TEMPATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

OSAKA, JEPUN, 13 Mei 2025 -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Minggu MOSTI pada 12 Mei 2025 sempena penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka, sebagai sebahagian daripada usaha negara untuk mempamerkan keupayaan teknologi dan inovasi tempatan kepada dunia serta memperkukuhkan jaringan kerjasama strategik antarabangsa, khususnya bersama Jepun.

Ekspo 2025 Osaka bertemakan “*Designing Future Society for Our Lives*” manakala tema Pavilion Malaysia adalah “*Menjalin Masa Depan Dalam Harmoni*” atau “*Weaving A Future In Harmony*”. Penyertaan Malaysia menampilkan kepelbagaian budaya, kekayaan alam semula jadi serta kebolehan negara dalam membina masa depan melalui teknologi dan inovasi, selain komitmen terhadap pembangunan mampan.

Di majlis perasmian minggu MOSTI, sebanyak 7 MoU antara syarikat teknologi Malaysia dan pihak Jepun telah dimeterai dalam bidang bioteknologi, hidrogen, dan robotik dengan potensi pelaburan dan perdagangan lebih RM1.8 bilion. Kerjasama antarabangsa ini adalah sejajar dengan objektif untuk menjadikan Ekspo Dunia sebagai platform strategik kepada syarikat teknologi tempatan dan pemain industri untuk menembusi pasaran global.

MOSTI mengetengahkan pelbagai teknologi dan produk berasaskan R&D, termasuk bidang bioekonomi, hidrogen, nanoteknologi dan inovasi sosial. Produk atau teknologi yang dipamerkan termasuk GenSense, Model Stesen Isian Semula Hidrogen Mudahalih, Model Reaktor Hidrogen Pepejal HyPER, Mi-GraphPrInk, peranti kaki prostetik mekanikal, dan Bee Modular Box (BMB) iaitu solusi teknologi ternakan lebah yang lestari.

Menarik perhatian pengunjung adalah inisiatif DapoBio, demo masakan hidangan Malaysia menggunakan produk makanan berasaskan bioteknologi tempatan yang dibangunkan hasil penyelidikan. Demo ini bukan sahaja memperkenalkan cita rasa asli Malaysia, malah menonjolkan bagaimana sains dan bioteknologi boleh menyumbang kepada keselamatan makanan, kesihatan dan kemampanan.

MOSTI turut menganjurkan program Technomart Malaysia–Jepun: Talk Session & B2B Session in the Space Industry, dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Konsortium Industri Angkasa Malaysia (MASIC), MIGHT dan Agensi Eksplorasi Aeroangkasa Jepun (JAXA). Selain itu, satu Sesi Panel bertemakan “Mission-Based R&D for Society 5.0: Strengthening Malaysia–Japan Innovation Partnerships” turut dianjurkan bagi membincangkan potensi penyelidikan berpandukan misi dan kerjasama dua hala untuk membangunkan penyelesaian kepada cabaran masyarakat masa kini dan masa depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad dalam ucapan pelancarannya berkata, penyertaan di Ekspo ini adalah kesinambungan kejayaan Ekspo 2020 Dubai, yang telah berjaya merealisasikan pelaburan dan perdagangan hampir RM9 bilion. Pendekatan yang sama digunakan dan ditambah baik untuk memberi impak yang lebih besar dalam Ekspo 2025 Osaka.

Penyertaan MOSTI juga sejajar dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021–2030 yang bertujuan memperkasa pembangunan ekosistem syarikat pemula (startup) serta memposisikan Malaysia sebagai Hab Syarikat Pemula Global melalui pelbagai program kerjasama antarabangsa. Lebih daripada 30 syarikat teknologi tempatan dari pelbagai bidang seperti bioteknologi, tenaga, ekonomi kitaran, teknologi digital dan angkasa lepas dalam sesi padanan perniagaan dan *pitching* yang diselenggarakan oleh MATRADE.

Sementara itu, Pengarah Pavilion Malaysia, Ellyza Mastura Ahmad Hanipiah berkata, “Bagi pihak Pavilion Malaysia, kami amat berbangga menjadi tunjang kepada usaha berterusan MOSTI dalam memperkukuh kerjasama global serta memacu pelaburan berkualiti ke dalam negara. Berpegang kepada komitmen untuk memupuk kerjasama berterusan, Malaysia Pavilion akan terus menyokong inisiatif yang memperkukuh peluang ekonomi dan hubungan antarabangsa. Selaras dengan sasaran kami untuk meraih sekurang-kurangnya RM13 bilion potensi perdagangan dan pelaburan serta menarik 1.5 juta pengunjung, kami terus komited menjadikan Expo 2025 Osaka, Kansai sebagai pentas utama bagi inovasi, pertumbuhan mampan dan keterlibatan global.

Ekspo Dunia merupakan platform terbaik untuk Malaysia menonjolkan kebolehan dalam sains dan teknologi serta sebagai rakan kerjasama inovasi global yang mampan dan progresif.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

13 Mei 2025



MENGENAI PAVILION MALAYSIA DI EKSPLO 2025 OSAKA

Pavilion Malaysia di Ekspo 2025 Osaka meliputi keluasan 2,654.52 meter persegi merentasi tiga tingkat, mencerminkan kepelbagaian budaya dan dinamik ekonomi negara. Direka oleh arkitek terkenal Jepun, Kengo Kuma, reka bentuk pavilion ini diinspirasikan oleh tradisi anyaman Malaysia dan songket ikonik, melambangkan warisan yang terjalin dengan inovasi. Dengan tema “Menganyam Masa Depan Dalam Harmoni”, Pavilion ini menyerlahkan komitmen Malaysia terhadap masa depan yang lestari, inklusif dan berpandangan jauh.

Pavilion ini diasaskan kepada tiga naratif utama: Manusia dan Manusia, yang menampilkan Malaysia sebagai jambatan budaya dan pemelihara warisan; Manusia dan Teknologi, yang memperlihatkan Malaysia sebagai rakan kongsi yang bersedia untuk inovasi; dan Manusia dan Alam, yang menekankan kepimpinan dalam pemeliharaan alam sekitar. Ketiga-tiga naratif ini dipacu oleh empat prinsip teras: harmoni, kepelbagaian, kemajuan dan kelestarian.

Sepanjang tempoh 26 minggu, Pavilion ini akan menjadi hab bagi kerjasama dan dialog antarabangsa. Minggu perniagaan akan melibatkan penyertaan 21 kementerian, 70 agensi dan 10 kerajaan negeri, dengan pelbagai program termasuk sesi bicara mini (pocket talks), pelancaran produk, pemeteraian MoU dan sesi padanan perniagaan. Pavilion ini juga akan menjadi tuan rumah kepada forum, sidang kemuncak dan acara jaringan strategik yang menampilkan Malaysia sebagai rakan global yang dinamik. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mengetuai penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka, termasuk penyelarasan reka bentuk, program dan penglibatan antarabangsa Pavilion.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pavilion Malaysia dan program-programnya, sila layari laman rasmi di: <https://expo2025-malaysia.miti.gov.my>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

pr@expo2025malaysia.com

Public Relations Coordinator (MY & JP)

Expo 2025, Osaka Malaysia Pavilion

No tel : +60164466747 (Aishah)